



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : ETIKA PROFESIONAL**  
**KOD KURSUS : MPU2223**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **sepuluh (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Golongan profesional diletakkan pada status yang tinggi dalam struktur masyarakat kerana
  - A. status sosialnya.
  - B. kekayaannya. \
  - C. kemahirannya.
  - D. kepakarannya. \
  
2. \_\_\_\_\_ dianggap satu alasan utama dalam pengiktirafan autonomi profesional yang diperolehnya dan dikuasai melalui proses pendidikan yang lama yang membolehkan profesional membuat penilaian sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.
  - A. Kebijaksanaan
  - B. Kejujuran \
  - C. Keikhlasan \
  - D. Kepakaran
  
3. Matlamat utama lesen atau tauliah yang diberikan kepada pengamal sesuatu profesion ialah
  - A. melindungi orang awam daripada perbuatan tidak beretika seorang profesional.
  - B. membolehkan profesional melaksanakan tugas.
  - C. menggalakkan klien mencari pengamal yang bertauliah sahaja. \
  - D. mengurangkan penipuan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat awam. \

4. Aspek pertama yang dinyatakan dalam amalan Tonggak Dua Belas Perkhidmatan Awam ialah
- A. Ketekunan Membawa Kejayaan
  - B. Menghargai Masa
  - C. Keseronokan Bekerja
  - D. Kemuliaan Kesederhanaan
5. Siapakah pihak ketiga dalam hubungan antara professional-klien?
- A. Hakim yang membicarakan.
  - B. Peguam yang menguruskan.
  - C. Polis yang menyiasat.
  - D. Orang yang tiada kaitan.
6. Antara ciri utama perbuatan meniup wisel adalah
- I. Tindakan mendedahkan, sengaja menyampaikan maklumat kepada pihak tertentu di luar organisasi
  - II. Bahan maklumat, serahan maklumat berkaitan perbuatan tidak beretika (jenayah, gangguan seksual, ketidakadilan kepada pekerja dan lain-lain.
  - III. Agen yang mendedahkan maklumat ialah pekerja/bekas pekerja.
  - IV. Penerima maklumat ialah orang tidak ada kuasa mengambil tindakan.
- A. I, II dan III
  - B. I, III dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas.

7. Pilih kenyataan yang **tidak benar**.
- A. Seseorang profesional perlu menentukan cara melaksanakan obligasi yang selari dengan nilai-nilai masyarakat.
  - B. Banyak nilai tidak dapat direalisasikan dalam masyarakat jika profesional dibenarkan bertindak terhadap orang lain atas kehendak kliennya semata-mata.
  - ~~C.~~ Kepatuhan terhadap kod etika tidak perlu dalam semua kes sekiranya orang lain akan terima mudaratnya.
  - D. Profesional perlu sentiasa prihatin terhadap kesan ke atas pihak ketiga dalam semua kes.
8. Penyelidikan dilakukan dalam sesuatu profesion bertujuan untuk
- A. memberi peluang kepada profesional meningkatkan kebolehannya.
  - ~~B.~~ menjadikan profesional sebagai individu yang mahir membuat penyelidikan.
  - C. memberi input baru kepada profesion.
  - D. membelanjakan wang yang diperuntukkan supaya tidak terjadi pembaziran.
9. Antara persediaan awal majikan sebelum seseorang calon kakitangan diambil bekerja adalah seperti berikut kecuali
- ~~A.~~ mengadakan temu duga.
  - B. memperoleh laporan ujian kesihatan calon.
  - C. mendapatkan laporan daripada badan-badan kerajaan seperti polis dan Jabatan Hasil Dalam Negeri.
  - D. menerima laporan pemilikan harta calon.

10. Bagaimanakah seseorang profesional harus bertindak melaksanakan tanggungjawabnya dengan betul (beretika) apabila berhadapan dengan klien yang tidak beretika?

- A. Tanggungjawab dan kepentingan umum dijadikan asas pertimbangan sebelum menerima klien itu.
- B. Bebas membuat keputusan sama ada menerima atau menolak klien seperti itu.
- C. Menyerahkan klien itu kepada profesional lain.
- D. Profesional itu harus meletakkan jawatannya.

**[10 MARKAH]**



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Bincangkan **dua** daripada kod etika profesional yang berikut:

- i. Etika Perubatan  
(10 Markah)
- ii. Etika Perniagaan  
(10 Markah)
- iii. Etika Perguruan  
(10 Markah)

**SOALAN 2**

*Model etika hubungan profesional-klien fiduciari* menekankan obligasi menerima amanah daripada klien.

- i. Jelaskan maksud amanah dalam konteks di atas.  
(5 Markah)
- ii. Senaraikan **lima** daripada sifat-sifat murni yang perlu ada pada golongan profesional yang amanah.  
(5 Markah)
- iii. Bincangkan kelima-lima sifat amanah yang anda senaraikan di atas.  
(10 Markah)

**SOALAN 3**

Etika profesional boleh dikatakan sebagai satu sistem nilai (norma) khusus bagi golongan profesional.

- i. Nilai profesional merujuk kepada obligasi. Senaraikan tiga jenis nilai tersebut.  
(3 Markah)
- ii. Huraikan **dua** daripada nilai di atas.  
(5 Markah)
- iii. Jelaskan **enam** ciri-ciri yang menentukan darjah kritikal sesuatu isu etika.  
(12 Markah)

**[60 MARKAH]**



**BAHAGIAN C**

Baca petikan di bawah dan jawab semua soalan berikutnya di dalam buku jawapan.

**MERESTUI KAWALAN TAMBAHAN TERHADAP KEBEBASAN BERSUARA**

Menjadi wartawan umpama berumah di tepi pantai. Ombak kecil dan besar – boleh melanda pada bila-bila masa sahaja. Tanpa diduga tsunami – dengan kesan yang memusnahkan juga boleh mabadai "rumah" yang didiami itu.

Bagi sebahagian besar pengamal media di negara ini, analogi inilah yang menerpa kotak minda mereka apabila dibayangkan bahawa wartawan yang bersubahat dengan pembocoran rahsia rasmi kerajaan berkemungkinan dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan 10 sebatan.

Hukuman berat yang menjadi amalan lazim di negara yang pada suatu waktu berada di bawah pemerintahan rejim komunis semasa era perang dingin itu akan diperkenalkan di Malaysia dalam waktu yang terdekat melalui pindaan terhadap Akta Rahsia Rasmi 1972. Dari sudut demokrasi, jika pindaan tersebut dipersetujui Parlimen, maka satu lagi kawalan tambahan terhadap kebebasan bersuara yang mungkin digeruni akan menjadi kenyataan.

Pada waktu ini, cadangan mengenakan hukuman berat terhadap wartawan yang terbabit dalam pembocoran rahsia negara masih dalam pertimbangan Peguam Negara, Tan Sri Mohamad Apandi Ali. Hal tersebut pertama kali dibayangkan oleh beliau dalam wawancara eksklusif dengan *Sin Chew Daily* yang disiarkan pada 7 Februari 2016. Berita tersebut kemudian dipetik secara panjang lebar oleh *Malaysiakini* pada hari yang sama. Pada sebelah malamnya, berita tersebut turut disiarkan oleh Buletin Utama, TV3. Pada keesokannya, berita yang sepatutnya membimbangkan pengamal media juga mendapat liputan akhbar utama, tetapi liputan yang diberikan tidaklah disensasikan. Hanya akhbar Sinar Harian sahaja yang memainkan isu tersebut untuk beberapa hari, termasuk menjadikan berita utama dengan tajuk *Wartawan Bukan Penjenayah*.

Akhbar arus perdana lain nampaknya tidak menganggap berita tersebut penting bagi dijadikan isu susulan untuk beberapa hari dalam pbingkai dan radar liputan mereka. Dari perspektif peranan media sebagai penyubur demokrasi, tindak balas yang tidak bertaring ini menggambarkan seolah-olah supremo media secara tidak langsung merestui kawalan tambahan yang ingin diperkenalkan oleh

kerajaan. Atau adakah liputan kecil yang diberikan itu ada kaitan dengan hakikat bahawa akhbar arus perdana itu dimiliki parti politik yang berkuasa, baik secara langsung dan tidak langsung menerusi pegangan saham dalam kalangan individu atau institusi yang dipercayai?

Lantaran itu, pengendali media perdana akur dengan kehendak tuan politik mereka. Anggapan mereka jelas, menentang cadangan tersebut adalah perjuangan yang sia-sia ibarat menjirus air di daun keladi atau ibarat anjing menyalak bukit. Lagipun untuk apa menjolok sarang tebuhan? Diri sendiri yang tersengat nanti.

Barangkali juga dalam pemikiran supremo editorial media arus perdana, iaitu pihak yang berkuasa mempunyai kepentingan, ialah tiada apa-apa yang hendak dirisaukan dengan cadangan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat tersebut kerana selama ini pun bilangan wartawan yang didakwa membocorkan rahsia rasmi negara boleh dihitung dengan jari. Pada hakikatnya sehingga kini hanya seorang wartawan tempatan, dan seorang wartawan asing pernah didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 pada pertengahan tahun 1980-an. Agaknya hal ini membuat mereka berasa selesa dan selamat.

Sejak itu hingga kini tiada wartawan yang didakwa di bawah akta tersebut. Pada hakikatnya hal ini barangkali menyebabkan pengamal media tidak bangkit menentang cadangan peguam negara secara agresif. Lantaran itu tidak ada tunjuk perasaan membantah ura-ura menghukum wartawan jika membocorkan rahsia kerajaan. Tidak ada kempen mendapatkan tandatangan untuk mendesak kerajaan supaya membatalkan atau menimbang semula rancangannya itu.

Barangkali tiada sesiapa termasuk kelompok wartawan yang mengatasi undang-undang. Mereka menerika hakikat sekiranya ada dalam kalangan wartawan yang bersubahat dengan pembocor rahsia rasmi kerajaan setelah mengetahui perbuatan tersebut memungkinan mereka dipenjarakan seumur hidup dan dikenakan 10 kali sebatan di bawah Akta Rahsia Rasmi baharu itu. Mereka hadapilah sendiri segala kesan dan akibatnya. Berani buat berani tanggung. Pejuang kebenaran mestilah bersedia untuk dikenakan apa-apa juga hukuman termasuk dihumban ke dalam penjara dan dikenakan sebatan. Hal ini adalah antara risiko apabila berumah di tepi pantai.

Barangkali pengarang kanan media arus perdana di negara ini faham bahawa hasrat tersirat di sebalik rancangan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat di bawah Akta Rahsia Rasmi yang akan dipinda bukanlah ditujukan kepada mereka,



tetapi untuk menghukum pembocor rahsia rasmi negara yang selama ini secara tidak bertanggungjawab menyalurkan maklumat sulit kepada wartawan asing, seperti yang terjadi dalam kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam kes itu, dokumen sulit yang sepatutnya tidak diketahui pihak luar sampai ke tangan *Asia Wall Street Journal* (AWSJ) yang berpangkalan di Hong Kong dan juga dalam pegangan akhbar mingguan kewangan *The Edge*. Akhbar *The Edge* digantung tiga bulan oleh Kementerian Dalam Negeri kerana kelantangannya melaporkan isu 1MDB menggunakan dokumen yang diperoleh sebagai sumber berita dan rencananya. Oleh itu untuk menghalang pembocoran rahsia negara, maka hukuman memenjarakan pembocor rahsia seumur hidup dan mengenakan 10 kali sebatan difikirkan oleh peguam negara sebagai penyelesaian kepada penyebaran rahsia yang berlaku secara berleluasa.

(Dipetik dan disesuaikan daripada rencana

*"Merestui Kawalan Tambahan Terhadap Kebebasan Bersuara?"*

Dewan Masyarakat Mei 2016)

1. Senaraikan **lima** peranan penting wartawan kepada masyarakat dan negara?  
(5 Markah)
2. Huraikan **lima** kesan negatif sekiranya ada maklumat rahsia negara terdedah kepada pihak luar.  
(10 Markah)
3. Jika anda seorang wartawan, bincangkan **lima** etika yang perlu anda patuhi dalam melaksanakan tugas anda.  
(15 Markah)

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

